

Siswa MSU berbakti

Tunai tanggungjawab
sejagat di Songkhla
»2



Kem bahasa Arab

115 pelajar IKIP
mahirkan pertuturan
»7

Harian Metro

ISNIN, 6 JANUARI 2014

Variasi

Bestari



Membina bukan membinasa



Siswa boleh bersuara tetapi apa yang diperjuangkan mereka itu perlulah
sesuatu yang membina bukan merosakkan agama, bangsa dan negara »4&5

Siswa perlu tahu matlamat perjuangan

Seharusnya mereka sedar diri usah dipergunakan pihak tertentu supaya tidak merugikan masyarakat



AKU janji dilafazkan perlu dihayati siswa supaya tidak tergelincir daripada landasan sebenar. - Gambar hiasan



SISWA perlu bertindak rasional dan tidak menggunakan pengaruh emosi untuk meluahkan pendapat. - Gambar hiasan



FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@
mediaprima.com.my

Siswa adalah golongan terpelajar, namun dengan sikap dan tindakan segelintir yang terbabit dalam beberapa insiden provokasi mutakhir ini sedikit sebanyak mencalar imej dan identiti mereka.

Meskipun tindakan itu membabitkan sebilangan saja, kesannya tetap tercalit pada siswa secara keseluruhan. Pelbagai tanggapan timbul, malah tidak keterlaluan ada suara mengatakan siswa masih belum matang dan terpengaruh dengan pihak tertentu.

Percanggahan pendapat dalam sesetengah perkara mungkin tiada salahnya.

Keinginan agar idea didengar pihak lain juga suatu lumrah. Malah, hak bersuara barangkali tidak dihalang selagi ia tidak menyalahi undang-undang, bahkan menonjolkan norma intelektual.

Bagaimanapun, apakah justifikasi anda apabila bercakap mengenai isu ini? Apakah pembabitannya mereka berpaksi kepada kebenaran demi sebuah perjuangan yang tulus ataupun sekadar retorik dan berlandaskan emosi?

Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Zaid Ahmad berkata, masyarakat pada dasarnya tidak boleh menganggap situasi yang melanda siswa kini sekadar retorik semata-mata.

Menurutnya, walaupun ramai beranggapan golongan terbabit sekadar meraih publisiti murahan atau mudah diperalatkan, pemerhatian dan pemahaman perlu dilihat dari sudut ber-



TINDAKAN melampau yang dilakukan bukan saja boleh menjejaskan masa depan, malah menyebabkan pandangan masyarakat bertambah serong. - Gambar hiasan

beza agar tidak timbul salah faham.

"Kita tidak boleh sesuka hati mengatakan tindakan diambil segelintir daripada mereka salah dan tidak boleh diterima pihak lain.

"Pada waktu sama juga kita tidak boleh mengatakan mereka dibenarkan berbuat demikian sewenang-wenangnya tanpa memikirkan sensitiviti atau akibat lain yang mungkin timbul," katanya.

Katanya, sebelum membuat penilaian, kepentingan memahami tindakan itu perlu ada supaya kedua-dua pihak dapat melihat keperluan sesuatu tindakan dari sudut berbeza bagi mencari titik persefahaman dan tidak disalah anggap.

Beliau juga kurang bersejua apabila ada segelintir pihak menyamakan tindakan segelintir siswa terbahit bersifat murahan dan seperti diperkudakan pihak tertentu yang berkepentingan.

"Saya berpendapat, ia kurang tepat dan kurang manis apabila melabelkan sesuatu pihak dengan tanggapan buruk.

"Tidak kiralah sama ada siswa atau pihak lain, tanggapan yang diberikan perlu berdasarkan bukti dan tidak boleh dilakukan dengan emosi dan andaian semata-mata.


"Bukan menyokong mana-mana pihak tapi adakalanya pendapat diberikan disalah tafsir sedangkan kedua-duanya boleh mencari persefahaman bagi mengelakkan perselisihan faham," katanya.

Dr Zaid berkata, jika pertikaian sedia ada itu diprovokasi pihak yang mahu mengambil kesempatan, contohnya disebarkan lagi dengan media sosial, pertikaian kecil mungkin menjadi besar kerana ada tokoh tambah.

"Pihak yang memperjuangkan iaitu siswa dan pihak menggubal atau memegang tampuk kuasa akan melihat pertikaian itu dari definisi berbeza.

"Akhirnya akan mencetuskan perbalahan yang tidak diingini dan kesempatan itu pula dipergunakan pihak lain yang mempunyai kepentingan peribadi," katanya.

Beliau bagaimanapun menegaskan, andai



"Siswa perlu menunjukkan daya intelektual tinggi serta tahu arah perjuangan mereka"

DR Zaid Ahmad

kata situasi itu benar-benar melanggar undang-undang, ia perlulah dikenakan tindakan sewajarnya.

"Saya percaya masyarakat sebenarnya tidak mahu mengongkong pergerakan siswa andai kata golongan itu tahu batasannya.

"Malah, masyarakat juga yakin golongan itu perlu diberi ruang untuk menyuarakan pandangan serta hak perbezaan pendapat.

"Tapi seandainya ia keterlaluan dan boleh mengganggu gugat keamanan mahupun sensitiviti orang lain atau melanggar undang-undang, sudah semestinya tindakan perlu diambil," katanya.

Katanya, siswa perlu menunjukkan daya intelektual tinggi serta tahu arah perjuangan mereka.



PERJUANGAN siswa untuk jangka masapanjang dan bukan terhenti selepas menamatkan pengajian, justeru apa jua tindakan perlu mengikut pertimbangan akal. - Gambar hiasan



MASIH ada ruang untuk menyalurkan pendapat sesuai dengan daya intelektual tinggi. - Gambar hiasan



Beliau berkata, pihaknya tidak pernah mahu menyekat perkembangan daya pemikiran golongan terbahit dalam menyuarakan sesuatu isu, malah mereka diberikan platform untuk berpolitik.

"Namun, pada masa sama perlu buktikan mereka adalah golongan yang mampu berfikir serta mempunyai daya intelektual tinggi.

"Dukacita apabila mereka yang agresif ini tidak bertindak seperti itu. Jadi jangan salahkan masyarakat andai kata mereka melemparkan tuduhan atau melabelkan siswa dengan pelbagai tanggapan," katanya.

Mengenai tanggapan tindakan siswa kini yang dikatakan lebih dipengaruhi sentimen siswa terdahulu, Dr Zaid berkata, kebangkitan itu walaupun caranya sama, matlamat perjuangannya sudah berbeza.

Katanya, dulu siswa berjuang kerana mereka ada rasa tanggungjawab untuk membela masyarakat dan perjuangan itu tiada agenda tersembunyi.

"Persoalannya, apakah perjuangan siswa kini atas matlamat sama atau disebabkan kekecewaan parti politik yang disokong juga ada agenda lain?"

"Jika betul matlamat dan caranya, boleh kita katakan siswa memang berjuang untuk masyarakat, tapi jika sebaliknya, ia adalah salah," katanya.

Namun, beliau melontarkan soalan: "Bagaimana kita mahu mengetahui perjuangan mereka adalah benar jika ada unsur provokasi, keganasan dan sebagainya?"

Katanya, masyarakat tidak memberikan label kepada siswa terbahit tetapi mereka sendiri yang membuka peluang kepada pihak lain untuk membuat penafsiran bersandarkan perlakuan ditunjukkan.

Beliau mempersoalkan juga, di mana sebenarnya kata-kata mereka berjuang demi bangsa dan negara?

SISWA seharusnya memanfaatkan peluang untuk membina keyakinan masyarakat bahawa mereka boleh diberi kepercayaan mengemudi nusa dan bangsa. - Gambar hiasan